

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/1989

BPI 451/3 Patogen dan Penyakit Tumbuhan

Tarikh: 28 Oktober 1988

Masa: 2.45 ptg. - 5.45 ptg.
(3 jam)

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2

1. Bincangkan kepentingan kekurangan zat galian di suatu tanaman. Apakah kaedah umum yang digunakan untuk menentukan kekurangan tersebut?

(20 markah)

2. Bagaimanakah anda dapat memastikan suatu penyakit tumbuhan disebabkan oleh virus? Dengan contoh-contoh tertentu, terangkan simbol-simbol kriptogram virus tumbuhan.

(20 markah)

3. Huraikan satu penyakit yang disebabkan oleh nematod. Apakah langkah-langkah yang digunakan untuk mengawal penyakit tersebut?

(20 markah)

4. Dengan bantuan gambarajah berlabel, huraikan kitar penyakit suatu contoh kulat berparasit fakultatif. Bagaimanakah penyakit tersebut disebarakan?

(20 markah)

.../3

5. Apakah penyakit layuan?

Dengan menggunakan contoh-contoh, huraikan kesamaan dan perbezaan di antara penyakit layuan disebabkan oleh kulat dan bakteria.

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota mengenai tajuk-tajuk berikut:-

- (a) Satu penyakit disebabkan oleh Xanthomonas oryzae
- (b) Rizomorf
- (c) Keupayaan inokulum
- (d) tindakbalas kehiperpekaan (hipersensitiviti)

(20 markah)